



### BABA'S PROMOSI WAJAH BAHARU

SALAH seorang promotor, Norasyikin Azri, 21, (belakang, dua dari kiri) mempromosikan wajah baharu *Utusan Malaysia* bersama rakan-rakan yang lain di Anjung, Putrajaya, semalam. Wakil produk Baba Products (M) Sdn. Bhd., Claudian Navin Stanislaus (belakang, kiri) turut mengadakan promosi barangan syarikat itu bersama akhbar *Utusan Malaysia*. - UTUSAN/RASHID MAHFUF

## Baba's turut promosi wajah baharu *Utusan Malaysia*

um 25/10/14  
Sabtu ms 6

**PUTRAJAYA 24 Okt.** - Setelah berjaya menembusi pasaran rempah di Eropah, Baba Products (M) Sdn. Bhd. (Baba's) kini melangkah setapak ke hadapan apabila menggunakan laman sosial Facebooknya untuk berinteraksi dengan pengguna bagi mendapatkan pandangan mengenai 36 produk keluaran syarikat rempah tersebut.

Ketua Pengiklanan dan Promosinya, Claudian Navin Stanislaus berkata, laman [www.Facebook/BabasAndU](http://www.Facebook/BabasAndU) yang kini diikuti oleh 190,000 peminatnya berjaya berperanan sebagai medium interaksi

antara syarikat itu dengan orang ramai terutama membabitkan cadangan serta pandangan berhubung produk baharu Baba's.

"Bagi kami Facebook merupakan kaedah terbaik untuk kita berinteraksi dengan orang ramai dan hasilnya terdapat tiga produk terbaharu Baba's iaitu rempah daging, rempah ikan masin dan kuih ros yang dikeluarkan oleh syarikat kami adalah atas permintaan mereka di laman sosial berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas program promosi

wajah baharu *Utusan Malaysia* di Anjung, Presint 1, di sini hari ini.

Dalam program itu, Baba's menaja produk kunyit bernilai RM4,000 untuk diedarkan bersama *Utusan Malaysia* sempena wajah baharu akhbar berpengaruh tersebut.

Stanislaus berkata, orang ramai juga boleh menggunakan Facebook Baba's untuk berkongsi resipi di laman sosial itu selain platform untuk menyalurkan apa jua pandangan atau cadangan berkaitan dengan produk-produk syarikat berkenaan.